



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU****1103/2****Kertas 2
Ogos 2025****PERATURAN PEMARKAHAN****BAHASA MELAYU
KERTAS 2****UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA****AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 27 halaman bercetak.

- Agent perlu gramatis - tolak markah untuk ayat tersebut
bukan overall.

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 4 markah

Soalan 5: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bilangan yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja. (ayat berulang)
5. Kata bilangan yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
8. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan. - merangkumi semua ayat!

Soalan 1 - Morfologi

Kata Bilangan bilangan

Beberapa (x) para; - tidak tentu
tengah (x) - kata bilangan tidak tentu, kata yang menyatakan ramai.
kata objektif terbitan

Cara

① Senarai dulu baru - bina ayat ikut turutan perkataan yang disenaraikan.
buat ayat ✓

② Perkataan + ayat
- kata bilangan himpunan, beberapa bilion atau beberapa banyak bilion.

tiga;

- kata bilangan tentu, satu kurang daripada empat, satu nombor yang terletak di antara dua dan empat.

setiap;

- kata bilangan pisahan, masing-masing, berurutan atau yang satu mengikuti yang lain (bukan masa)

[Maksimum: 8 markah]

- Tanpa naskah Filet dan markab
 = tidak naskah naskah PP keseluruhan

Soalan 2 - Sintaksis

Tukarkan ayat majmuk bergaris kepada ayat tunggal

(i)	Seseorang wanita tidak semestinya pakar dalam dunia masakan tetapi perlu mengetahui perkara asas memasak.	
	(i) Seseorang wanita tidak semestinya pakar dalam dunia masakan.	1
	(ii) Seseorang wanita perlu mengetahui perkara asas memasak.	1
(ii)	Penggunaan teknologi membantu manusia memasak dengan mudah dan menjimatkan masa memasak.	
	(i) Penggunaan teknologi membantu manusia memasak dengan mudah.	1
	(ii) Penggunaan teknologi menjimatkan masa memasak.	1
(iii)	Ramai wanita di luar sana telah menjalankan perniagaan berasaskan makanan yang memberikan pulangan lumayan kepada mereka.	
	(i) Ramai wanita di luar sana telah menjalankan perniagaan berasaskan makanan.	1
	(ii) Perniagaan berasaskan makanan memberikan pulangan lumayan kepada mereka. /Perniagaan berasaskan makanan itu memberikan pulangan lumayan kepada mereka.	1

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|-------|---------------|---|----------------|
| (i) | sosial media | - | media sosial |
| (ii) | baru | - | baharu |
| (iii) | memudarat | - | memudaratkan |
| (iv) | di | - | pada |
| (v) | tompokkan | - | tompokan |
| (vi) | mengenalpasti | - | mengenal pasti |
| (vii) | muak | - | mual |

- Tulis dulu kepala dan kemudian pembetulan

- xleh buat tanda "=" hanya tanda pemang

[Maksimum : 6 markah]

format baharu - perkataan "semua" wajib ada.

SULIT

4

PP

Bahan 2

- | | | | | |
|-------|---------------------------|---|--|----------------------------|
| (i) | oleh kerana | - | oleh sebab/kerana | |
| (ii) | bermasaalah | - | bermasalah | |
| (iii) | tidak orang sukai | - | tidak disukai oleh orang/tidak disukai orang | tidak menyukai orang lain. |
| (iv) | semua perkataan-perkataan | - | semua perkataan/perkataan-perkataan | |
| (v) | merasa | - | berasa | |

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <u>masih</u> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <u>kurang</u> gramatis	2
- Isi <u>tidak</u> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <u>tidak</u> cukup, mengikut urutan dan ayat <u>kurang</u> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Setelah/selepas Kertala Sari berkata sedemikian, orang suruhan Patih Gajah Mada pun sampai. Dia melihat Kertala Sari sedang bercakap/berbual dengan ibunya seperti orang sedang berkelahi/bertengkar/bergaduh. Apabila Kertala Sari melihat orang suruhan itu, Kertala Sari pun bertanya kepada orang itu, "Siapakah tuan hamba?" - Tanda bacaan mestilah untuk dapat 4 markah.

-Tanda bacaan mestilah dengan petikan asal.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Peribahasa mengisi tempat kosong

- Salah ejaan pembahasa = salah jawapan.

- Tambah bagi @ seperti = penalti iaitu jika salah.

mesti tidak bukannya tak.



- (i) ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi / bagaimana acuan
 begitulah kuihnya/bapa borek anak rintik / bagaimana rupa begitulah
 bayangnya / bagaimana contoh begitulah gubahannya ² *bagaimana gundong begitulah
 taninya = salah - tidak serupa*
- (ii) alah bisa tegal biasa / habis geli oleh geletek, habis rasa oleh biasa ² *mungifut
 ayat*
- (iii) di mana ada kemahuan di situ ada jalan / usaha tangga kejayaan
 jika / kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya / hendak ²
 seribu daya tak hendak seribu dalih. *yang bulat tidak datang bergelak (x)
 gelugam barapi biar sampai jauh arang (x)*

Nota : Terima 3 peribahasa sahaja

Jawapan mestilah mengikut turutan.

(Peribahasa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 6 markah]

- kesalahan ejaan hanya berkaitan dengan ejaan asal pembahasa.

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 13 markah

Soalan 7 : 12 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel.

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/releven dengan tugas/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/releven dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

- Soalan pemahaman - kenalpasti jawapan berdasarkan pemerhatian

SULIT

- markah bahasa tidak perlu dipotong asalkan ^{PP} pangkal ayat lengkap.

Soalan 6

(i) Maksud

menggambarkan/menampakkan/menjadikan/melambangkan/usaha/	2
langkah/ cara	
menggambarkan/menampakkan/menjadikan/melambangkan/inisiatif	1
merupakan/usaha/langkah/cara	1

(ii) Kelebihan-kelebihan

Bahan 1

P1 meneroka dunia teknologi digital dalam suasana pembelajaran yang	1
menyeronokkan	
P2 menghasilkan teks, logo, poster, lagu digital serta penyuntingan	1
video melalui medium Canva	

Bahan 2

P3 menghasilkan modul pembelajaran sendiri	1
P4 boleh dipersonalisasikan berdasarkan maklumat pencapaian semasa	1
murid	
P5 membuka ruang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang	1
lebih fleksibel dan terarah	

Bahan 3

P6 mengautomasikan tugas berulang	1
P7 mencipta inovasi baharu	1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Usaha-usaha

P1 ibu bapa memberikan pendedahan awal/menyediakan kemudahan	1
teknologi/menyokong pembelajaran digital/membimbing	
penggunaan teknologi berhemah/menjadi suri teladan	
P2 pihak sekolah menyediakan prasarana/makmal	1
komputer/kemudahan Wi-Fi/mengintegrasikan teknologi dalam	
pengajaran dan pembelajaran	
P3 pihak sekolah melatih guru dalam penggunaan	1
teknologi/memberikan kursus/bengkel/menjemput penceramah	
berkaitan teknologi.	
P4 pihak sekolah menganjurkan pertandingan berasaskan teknologi	1
P5 kerajaan menganjurkan kempen digital/teknologi/TMK/AI	1

- | | | |
|----|--|---|
| P6 | media massa menyampaikan/menyebarkan maklumat/berita/rencana/kempen digital | 1 |
| P7 | media massa menganjurkan program TV Pendidikan/dokumentari/wawancara bersama pakar teknologi | 1 |

(Usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | menasihati rakan berfikir terbuka untuk menggunakan teknologi | 1 |
| P2 | mengajaknya untuk belajar menggunakan aplikasi/platform digital/kelas dalam talian | 1 |
| P3 | memujuknya supaya memberitahu/memaklumkan kepada ibu bapa/keluarga untuk memberikan sokongan/menyediakan kemudahan | 1 |
| P4 | berkongsi kejayaan diri sendiri/rakan lain yang telah berjaya dengan bantuan teknologi/merujuk rakan yang mahir dalam penggunaan teknologi | 1 |
| P5 | memintanya/membawa/menasihati berjumpa dengan kaunselor untuk meningkatkan keyakinan diri menggunakan teknologi | 1 |

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Bahan-bahan membuat bulu ayam

- P1 ^{tidak ada} menggunakan gabus daripada penutup botol 1
- P2 pelepah pisang 1
- P3 beberapa helai bulu ayam yang ^{tidak ada} dijumpai di reban Pak Ngah 1

Nota : Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan cerpen

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Manfaat-manfaat

Bahan 1

- P1 menguji kecekapan kaki 1
- P2 keseimbangan badan 1
- P3 mengeratkan silaturahim antara kami 1

Bahan 2

- P4 kita dapat mempelajari budaya (kita pelajari budaya) 1
- P5 menguji kesabaran (kesabaran diuji) 1
- P6 warisan kekal/terus/masih dipelihara (warisan utuh dijaga) 1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Cabaran-cabaran

- P1 perubahan gaya hidup/teknologi/permainan dalam talian/e-sukan 1
- P2 kurangnya promosi/kempen berkaitan permainan tradisional 1
- P3 kurangnya penghayatan nilai budaya 1
- P4 penerimaan masyarakat/persepsi negatif /dianggap kolot/ ketinggalan zaman 1
- P5 kurangnya pendedahan daripada ibu bapa/sekolah 1
- P6 kesukaran mendapatkan peralatan/kos peralatan yang tinggi 1
- P7 kekurangan ruang/tempat/kemudahan/gelanggang permainan 1

(Cabaran lain boleh diterima sekiranya bersesuaian / relevan)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

dan pemindekan maklumat : mesti ayat 3 lengkap.

(i), 4(ii), 8(i)

SULIT

10

PP

SULIT

P

(iv) Langkah-langkah

P1	mengadakan promosi dalam media sosial / poster / gegantung	1
P2	menyediakan hadiah / cabutan bertuah	1
P3	menjemput artis / pempengaruh untuk memeriahkan suasana	1
P4	menyediakan jamuan / makanan secara percuma	1
P5	mempelbagaikan aktiviti mengikut lapisan umur	1
P6	menyediakan gerai jualan yang menarik	1

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya bersesuaian / relevan)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (i)

- (a) Jika calon menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat, berikan 0 markah.
- (b) Jika calon menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
- (c) Jika calon menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat, periksa seperti biasa.

Soalan 8 - Novel

(i) Keistimewaan-keistimewaan

- P1 nampak gah sekali
- P2 agak strategik juga ~~tempatnya~~ ^{tempat yang} nampaknya.
- P3 bagaikan takhta di tanah tinggi Cameron Highlands
- P4 Komersial juga bunyinya
- P5 hanya tujuh minit dengan kereta ke pusat bandar

Nota : Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

3 isi + 1 markah bahasa

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- disalin bulat-bulat daripada petikan **

* Tidak boleh ubah sebarang petikan.

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

Bahasa - 1 markah sahaja.
sekitarnya tiada isi.
isi

(ii) Soalan novel : 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dikaji. (dalam ayat yg lengkap)
 (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
 (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
 (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
 (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
 (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
 (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
 (k) Calon boleh memilih mana-mana dua buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum 6 markah]

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

8 (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
 (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 (f) Tirani karya Beb Sabariah
 (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd. Yusop
 (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Bergantung
situasi
jalan.

peristiwa
positif saja. / tegaskan.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang mendidik pembaca berserta alasan - Bergantung huraian.

[6 markah]

peristiwa. - novel mengikut JEN

- Latar
- Watak **
- Tempat
- Waktu

- Teknik pelajar
- Ayat pengajaran boleh digunakan. (tidak wajib)
- * paling utama mendidik pembaca (perlu ditekankan)

A. LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA karya Abdul Latip bin Talib

1. **Peristiwa:** Adnan sering membantu ayahnya di kebun getah pada awal pagi dan ke sawah pada waktu petang.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar menjadi anak yang bertanggungjawab dalam meringankan beban ibu bapa mereka.

2. **Peristiwa:** Pak Saidi selalu mengajar anak-anaknya iaitu Ahmad, Amarullah dan juga Adnan mengenai ilmu persilatan dan mengaji pada waktu malam

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar menghargai setiap pengorbanan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak.

3. **Peristiwa:** Pak Saidi sanggup mengayuh basikal setiap pagi untuk menghantar Adnan ke Sekolah Inggeris, di Pekan Sungai Ramal dan menjemput semula Adnan pada waktu tengah hari.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bertanggungjawab demi memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik.

4. **Peristiwa:** Adnan menyertai pertandingan pidato bahasa Inggeris walaupun dia belum fasih berbahasa Inggeris. Berkat kesungguhannya berlatih, dia berjaya memenangi pertandingan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca supaya bersikap sentiasa gigih dan berusaha untuk mencapai sesuatu perkara yang diinginkan

5. **Peristiwa:** Adnan telah menunjukkan kesungguhan yang mendalam semasa menjalani latihan sehingga terpilih sebagai rekrut terbaik dan seterusnya Adnan telah diserap masuk ke dalam pasukan Askar Melayu

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca kerana kecekalan dan kesungguhan akan membuahkan kejayaan yang kita ingini.

6. **Peristiwa:** Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun walaupun kaki Adnan tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, namun dia tidak meryerah kalah.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk berjuang bersungguh-sungguh demi mempertahankan tanah air.

7. **Peristiwa:** Adnan terpaksa menghantar Sophia yang sedang berbadan dua dan anak-anaknya pulang ke kampung bagi menjamin keselamatan mereka walaupun hatinya berat untuk berpisah dengan mereka.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca supaya sentiasa mengutamakan keselamatan ahli keluarga.

8. **Peristiwa:** Berpuluh-puluh askar Jepun sampai ke kampung Sungai Ramal, Kajang. Mereka mencari keluarga Leftenan Adnan. Penduduk kampung telah berpakat untuk tidak bekerjasama dengan tentera Jepun. Mereka menyembunyikan keluarga Leftenan Adnan.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk bekerjasama dalam menjaga keselamatan satu sama lain.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai



B. DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor

1. **Peristiwa:** Aqram telah menegur seorang wanita yang sedang asyik berbual dengan suara yang kuat di telefon sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bersikap hemah tinggi dan menghormati orang lain.

2. **Peristiwa:** Farisha gigih memajukan syarikat perunding keselamatan sistem komputer iaitu Syarikat Secured Shell Sdn Bhd yang ditubuhkannya bersama Rosman. Mereka telah menerima tawaran projek yang lumayan di Senawang dan Soft Lab. Mereka menerima tawaran tersebut demi memajukan syarikat bersama .

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar gigih berusaha dalam bidang perniagaan pada usia yang muda.

3. **Peristiwa:** Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak Farisha berumur 2 tahun Azraai turut memastikan semua mikrocip mesti kekal dalam tubuh Farisha dan dia mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bertanggungjawab dalam menjaga ahli keluarga.

4. **Peristiwa:** Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain sebelum ini. Disebabkan hal ini, Farisha telah ditawarkan projek mini di Soft Lab.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bijak menggunakan kelebihan diri.

5. **Peristiwa:** Dr Maxi dan Azraai telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengesan keberadaan Farisha seperti yang diarahkan oleh Dr Karl. Akhirnya Farisha dapat dikesan melalui tempahan tiket kapal terbang yang dibuat oleh Farisha

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk gigih dan taat ketika melaksanakan tugas yang diberikan.

6. **Peristiwa:** Pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Ketika bertemu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa memaafkan orang lain.

7. **Peristiwa:** Azraai memasang alat retinal scanner pada pintu apartmen adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.

Huraian : Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa menjaga keselamatan ahli-keluarga.

8. Peristiwa: Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di Hospital Putrajaya kerana Farish tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar prihatin terhadap orang lain.

9. Peristiwa: Shida yang sedang bermain skuasy segera pulang ke rumah apabila Farishamemaklumkan bahawa dia tidak dapat masuk ke rumah kerana kadnya tidak boleh digunakan lagi.

Huraian: Peristiwa mendidik pembaca untuk sentiasa bertanggungjawab alam membantu rakan yang menghadapi masalah.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

C. JENDELA MENGHADAP JALAN karya Rohaini Matdarin

1. Peristiwa: Lili tidak tergamak menyakiti hati ibunya lalu menyatakan perasaan gembira untuk pulang ke kampung neneknya di Kampung Sentosa, Dungun, Terengganu

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar patuh kepada ibu bapa sendiri.

2. Peristiwa: Lili memanfaatkan masa dengan membaca buku Panduan Permakanan Sihat Melalui Sayur-sayuran dan Buah-buahan sementara menunggu bas bergerak ke Dungun Terengganu

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa meluangkan masa dengan perkara yang bermanfaat.

3. Peristiwa: Geetha, pelajar tahun satu Universiti Malaya bergaul mesra dengan Lili seolah-olah telah lama kenal ketika di dalam bas menuju ke Dungun, Terengganu

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bersikap mesra dengan rakan lain yang berlainan kaum.

4. Peristiwa: Lili menolak air kotak dan roti pemberian Geetha dengan baik sambil menegaskan dia tidak minum minuman berkarbonat dan bergula serta makanan ringan yang diawet dengan pewarna atau bergaram tinggi.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar mementingkan kesihatan dan menjaga pemakanan.

5. Peristiwa: Danel menceritakan dia sedang belajar untuk menjadi penulis rencana dan bercita-cita memiliki kolumnya sendiri dalam surat khabar arus perdana kepada Lili.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa bercita-cita tinggi dan berusaha untuk mencapai cita-cita tersebut.

6. Peristiwa: Kak Mimah meminta Che Jah membuat laporan polis atas tindakan suaminya yang sering memukul Che Jah dan anak-anaknya sehingga mengalami kecederaan. Kak Mimah juga mencadangkan Che Jah memohon bantuan kewangan supaya sumbangan dapat disalurkan oleh Jabatan Perlindungan Wanita dan Masyarakat.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa membantu orang lain untuk menyelesaikan masalah.

7. Peristiwa: Lili, Danel dan Geetha yang telah berjaya menyelesaikan isu kubah surau. Mereka telah memberikan cadangan kepada penduduk kampung agar membina masjid berbanding memasang kubah di atas surau.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk berani memberikan cadangan dalam menyelesaikan masalah.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

D. PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa:** Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh majikannya Doktor Uwang. Doktor Uwang gagal dalam menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk berani menegakkan kebenaran.

2. **Peristiwa:** Doktor Raiha tetap meneruskan kandungannya walaupun dipaksa oleh suaminya/Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungannya apabila mengetahui anak yang dikandung oleh Doktor Raiha itu sindrom down/cacat.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar reda dengan ketentuan yang telah ditetapkan.

3. **Peristiwa:** Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital semasa menjaga Unong Siron semasa dirawat Pusat Rawatan Pantai Kasih. Ibu Unong Siron juga berani mempersoalkan kewibawaan Dr. Uwang merawat anaknya sehingga perlu dibedah sebanyak lima kali oleh Dr. Uwang dan duit pampasan insurans anaknya habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar menghargai pengorbanan seorang ibu terhadap anaknya.

4. **Peristiwa:** Doktor Raiha tetap bersemangat untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang doktor pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya. Ayahnya berpendapat bahawa doktor pakar bedah mempunyai cabaran yang besar dan hanya sesuai untuk lelaki kerana mereka kuat dari segi fizikal dan mental.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar berani untuk menempuh cabaran dan tetap bersemangat untuk mencapai cita-cita

5. **Peristiwa:** Doktor Raiha telah memaafkan Sister Felicia Landosi yang terlibat secara tidak langsung dalam peristiwa Doktor Sadiz membakar keretanya sehingga menyebabkan kematian Rohayu. Doktor Sadiz menyuruhnya membeli minyak petrol.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk sentiasa memaafkan orang lain.

6. **Peristiwa:** Ibu Unong Siron bijak menyelesaikan masalah doktor palsu yang menjadikan Sister Felicia Landosi sebagai tawanan di bilik bedah PRPK. Ibu Unong Siron berjaya memujuk pemuda kurang siuman itu dengan memintanya melakukan pembedahan ke atas anaknya dan memberikan susu yang mengandungi ubat penenang.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk sentiasa bijak merancang strategi dalam menyelesaikan masalah.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

E. SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairuddin Ayip

1. **Peristiwa:** Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said yang lemas.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk bersikap berani membantu orang lain.

2. **Peristiwa:** Dahlia gigih mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM walaupun berada di pusat pemindahan banjir Kampung Parit Haji Rais.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bersikap gigih dalam menuntut ilmu walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

3. **Peristiwa:** Dahlia tidak membalas sindiran yang dilemparkan oleh Mak Cik Aton setelah melihat Dahlia dihantar pulang dengan kereta oleh Azhari dan menganggap Dahlia sebagai perempuan yang tidak baik

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa bersikap berbudi bahasa dan menghormati orang yang lebih tua.

4. **Peristiwa:** Dahlia sanggup keluar dari asrama sekolah untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil di rumah semasa ibu dan ayahnya dirawat di hospital.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bertanggungjawab dan sanggup berkorban demi ahli keluarga.

5. **Peristiwa:** Tuke Lim membeli tanah tapak rumah Embong yang dijual oleh Nek Kiah sebanyak RM15,000 dan memulangkan tanah tersebut kepada Embong.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa membantu orang lain yang memerlukan.

6. **Peristiwa:** Nek Kiah insaf atas segala perbuatan buruknya terhadap keluarga Dahlia setelah melihat kebaikan Dahlia menjaganya semasa terlantar sakit di hospital.

Huraian : Peristiwa ini mendidik pembaca untuk sentiasa berbuat baik kepada seseorang walaupun diberi layanan yang buruk.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

G. BIMASAKTI MENARI karya SRI RAHAYU MOHD YUSOP

1. **Peristiwa** : Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik gigih menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk pencerapan bintang dan mengembalikan semula kegemilangan Kuala Selangor sebagai sebuah pusat kajian falak yang terkenal di peringkat antarabangsa

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca supaya gigih dalam menjayakan sesuatu impian atau matlamat yang sukar.

2. **Peristiwa**: Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman daripada Dato' Johann Arlington-Majid dan konco-konconya yang berusaha untuk menggagalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk pencerapan bintang sehingga membawa kepada kes penculikan.

Huraian : Peristiwa ini mendidik pembaca supaya berani menghadapi cabaran dan ancaman untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan.

3. **Peristiwa**: Nurul Hafsa berjanji kepada rombongan dari Jepun iaitu, 15 orang kanak-kanak sekolah rendah dan 3 orang guru pengiring mereka bahawa dia akan mengembalikan bintang-bintang di langit semula dengan mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bijaksana dalam menyelesaikan masalah dan menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

4. **Peristiwa**: Nurul Hafsa membuat pembentangan kertas kerja Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Nurul Hafsa berani menegakkan hujah ketika membentangkan projek Kawasan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar dan berjaya mematahkan hujah Dato' Johan Arlington-Majid yang cuba menggagalkan usahanya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar berani mengemukakan cadangan

5. **Peristiwa**: Tan Sri Muhaimin dan penduduk kampung bekerjasama dengan pihak polis mencari jalan penyelesaian dalam kes penculikan anaknya Muhammad Taufik dengan melaporkan tempat penculik menyembunyikan anaknya sehingga kumpulan penculik dapat ditewaskan dan Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan keselamatan nyawa seseorang.

6. **Peristiwa** : Muhammad Taufik dan Budiman taat akan perintah agama kerana mereka berdua sering menunaikan solat berjemaah di masjid. Mereka menunaikan solat Isyak di masjid bersama-sama.

Huraian : Peristiwa ini mendidik pembaca agar mentaati ajaran agama dalam kehidupan.

7. **Peristiwa :** Nurul Hafsa telah berjanji membina stor bagi memudahkan ayahnya menyimpan peralatan-peralatan berkebun apabila dia mendapat gaji kelak. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang anak yang baik kepada ayahnya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar menyayangi dan menghormati kedua-dua ibu bapa.

8. **Peristiwa:** Kaum wanita yang hadir ke majlis pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dengan Puan Maryam Wickham bekerjasama membasuh talam-talam dan peralatan hidangan sebelum dipulangkan ke restoran.

Huraian : Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa kerjasama dalam menjayakan sesuatu majlis atau program.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

H. SILIR DAKSINA karya NIZAR PARMAN

1. **Peristiwa:** Tauke Lim telah melaksanakan amanah dengan menyerahkan semua duit simpanan hasil jualan kelapa sawit serta ladang kelapa sawit milik Cikgu Amirulnizam kepada Haiqal.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca supaya mengamalkan sikap tanggungjawab dalam memegang amanah yang telah diberikan dilaksanakan sepenuhnya

2. **Peristiwa:** Kegigihan Tauke Lim dalam mencari rezeki sehingga akhirnya beliau berjaya mengumpulkan wang dan membeli setengah ekar tanah kebun getah ayah Cikgu Amirulnizam untuk dijadikan tapak rumah walaupun pada permulaan Tauke Lim dan keluarga datang ke kampung Seri Purnama dalam keadaan tidak memiliki apa-apa harta.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar mengamalkan sikap tidak berputus asa dan gigih dalam diri seseorang akan membuahkan hasil.

3. **Peristiwa:** Penduduk Kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama untuk menjayakan setiap aktiviti di kampung tersebut seperti majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim dan persediaan menyambut kedatangan Yang Berhormat. Pak Cik Bakir, Haji Salim, Wak Arif dan penduduk kampung bekerjasama membuat persiapan di balai raya sempena persembahan tarian zapin D'Purnama.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar menjadikan sikap bekerjasama yang ditunjukkan dalam menjayakan sesuatu program yang telah dirancang berjalan lancar.

4. **Peristiwa:** Ratna gagal mendapat keputusan yang baik dalam SPM namun dia tidak menoleh ke belakang malah dia membantu emaknya mengurus gerai makanan dan mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi seorang usahawan berjaya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca supaya bersikap positif dan gigih dalam diri tanpa rasa putus asa.

5. **Peristiwa:** Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke Kampung Seri Purnama bagi menjejak kisah hidup ayahnya di sana. Dia berani ke kampung tersebut walaupun tidak mengenali sesiapa di sana dan tidak mempunyai kenalan ataupun saudara mara.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar mempunyai pendirian yang tegas dalam membuat keputusan dan sangat berani.

6. **Peristiwa:** Haiqal memujuk dan menasihati Ratna yang menangis setelah gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM agar terus berusaha kerana gagal dalam peperiksaan bukanlah bermakna dia gagal dalam hidupnya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca agar sentiasa menasihati orang lain.

7. **Peristiwa:** Abdullah Kayan / Cikgu Zam yang menumpahkan kasih sayang terhadap Ai Ling/ Ong See Hwa. Sebagai seorang guru, Abdullah Kayan / Cikgu Zam menumpangkan Ai Ling / See Hwa ke sekolah setiap hari. Selain itu, Cikgu Zam juga melatih Ai Ling dalam

mendeklamasi sajak sehingga berjaya mendapat johan dalam pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk menyayangi orang lain walaupun tidak mempunyai hubungan kekeluargaan.

8. Peristiwa: Haiqal solat subuh terlebih dahulu di hentian bas dan teksi Batu Pahat sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Seri Purnama.

Huraian: Peristiwa ini mendidik pembaca untuk sentiasa melaksanakan suruhan agama.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

NOTA:

Haikal/Haiqal/Aiman
Abdullah Kayan/Cikgu Amirulnizam/Cikgu Zam
Ai Ling/Ong Swee Hwa
Tauke Lim/Tauke Ong
Umi/Rafiqah
Walid/Abdul Fatah

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
(b) Bahasa – 10 markah

kata
- ada ~~kata~~ bantu fokus
yang menunjuk kepada ~~lagak~~.

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas (1)
- perkataan berganda (1)
- penggunaan kata sendi di dan ke (1)
- tarikh (1)
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan (1)
- gelaran (1)
- penanda wacana (1)

patah
perkataan
120 pp.

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

mengatakan
mengani

fokus
1 (m)

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan									2	
(ii) Isi Bahan 1									16	
Fokus 1 (kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat)	4	4	3	3	2	2	1	1		
Fokus 2 (langkah/kaedah/ usaha/ cara)	4	1	2	1	3	2	4	3		
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 2 (cara/langkah/kaedah/usaha)	2	1	1	2	1	2	1	2		
(iv) Isi Bahan 3										
Fokus 1(kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat)	1	1	1	1	1	1	1	1		
Fokus 2 (cara/langkah/kaedah/usaha)	1	1	1	1	1	1	1	1		
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8		
(v)									2	
Penutup/ Kesimpulan									.	
JUMLAH									20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual).
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Jika calon ber'fokus

tema = pencemaran plastik (berti dijayakan)
 pendahuluan & kesimpulan - diberikan tugas utama.
 SULIT 26

PP

- Ditema Hanya pencemaran plastik sahaja.

Pendahuluan [2 markah]

Markah

P1 ... membincangkan kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat pencemaran plastik dan langkah-langkah/ kaedah-kaedah/ usaha-usaha/cara-cara untuk mengurangkan pencemaran plastik. *mengatasi/menangani*

2

P2 ... membincangkan langkah-langkah/ kaedah-kaedah/ usaha-usaha/cara-cara untuk mengurangkan pencemaran plastik dan kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat pencemaran plastik.

2

P3 ... membincangkan langkah-langkah/ kaedah-kaedah/ usaha-usaha/cara-cara untuk mengurangkan pencemaran plastik

1

P4 ... membincangkan kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat pencemaran plastik

1

- salah fokus - penalti isi pertama

Isi [16 markah] - ayat pertama sahaja tulis fokus
 isi kedua tak payah untuk elakkan markah ditolak

FOKUS 1: Kesan-kesan/ implikasi/ impak/ akibat pencemaran plastik
 kebuntuan

Bahan 1

- 81 {
- A1 Pembuangan sisa plastik yang tidak terkawal menyebabkan pencemaran terhadap alur air, longkang dan lautan - *sekitar juga ambil seperti x tema* 2
 - A2 masalah banjir kilat apabila hujan lebat 2
 - A3 mengancam keseimbangan ekosistem laut 2
 - A4 menyebabkan pemanasan global dan mendorong kepada perubahan iklim dunia 2

tema perlu diikuti ayat pasif (kesimpulan) tidak boleh ayat aktif

Bahan 3

- pi {
- B1 kepupusan hidupan akuatik - *kebuntuan*
 - *ditema = maksud tidak berubah* 2

FOKUS 2 Langkah-langkah/ kaedah-kaedah/ usaha-usaha/cara-cara dalam mengurangkan pencemaran plastik

Bahan 1

- f2 {
- C1 remaja perlu menjadi lebih prihatin dan peka terhadap isu alam sekitar 2
 - C2 remaja boleh menyertai Kelab Alam Sekitar di sekolah - *perlu lengkap* 2
 - C3 remaja harus melibatkan diri dalam program alam sekitar yang dianjurkan oleh komuniti 2
 - C4 remaja boleh menyebarkan maklumat tentang ancaman pencemaran plastik terhadap alam sekitar. - *boleh gahungkan C1 + C2* 2

Bahan 2

- i2 {
- D1 Bungkus makanan menggunakan bekas sendiri 2
 - D2 Gunakan botol air guna semula daripada keluli tahan karat atau kaca - *tidak lengkap & tidak diterima* 2

Bahan 3

- f3 {
- E1 kita seharusnya mengitar bahan berasaskan plastik yang telah digunakan semula 2

- kita tukar kepada masyarakat = tidak tema kerana perlu ketatkan "kita" sebagai mana dalam petikan.

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, pencemaran plastik hendaklah diatasi / dikurangkan / 2
ditangani agar generasi akan datang dapat mewarisi alam sekitar yang lebih
hijau dan selamat
- K2 Kesimpulannya, pencemaran plastik hendaklah diatasi / dikurangkan / 2
ditangani agar alam sekitar tetap terpelihara.
- K3 Kesimpulannya, pencemaran plastik hendaklah diatasi / dikurangkan / 1
ditangani.

Jika ada penambahan lain = Tema salah.

Jika murid dpt 16 markah

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

5 perkara wajib ada
1) tema. "pencemaran plastik"
2) cadangan -
3) agar kepada cadangan.
4) kesan kepada cadangan.
= 0 markah kesimpulan - 51

Nota:

1) tiada - penalti (2 markah)

2) buah

3) m)

4) tidak perlu.

(i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, beri 1 atau 0 markah

(ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah, atau tidak
menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya
diperiksa seperti biasa.

(iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.

(iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada (pencemaran plastik) sahaja.

- Konsep pemindahan maklumat.

- Poster = boleh mengalami penambahan lmbuhan

- Prosa = kekal. (tugas akhir = selagi maksud tidak berubah arahan murid
terhadap isi diterima
* sebaiknya ambil teks dari petikan.

meletakkan pihak' - Sekiranya dalam poster/puisi/petikan tiada
menyatakan pihak maka "jangan" menambah
pihak. (untuk selamat). - Spm pen sama!

- Jika baharu ada subjek = kena tulis subjek kalau tidak ada
markah.

- markah bahasa boleh diberikan sekiranya murid menulis /mendapat
jawapan ~~para~~ salah - ckgu Annisa.

- Bahagian

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT